



PROTON

Siaran Akhbar

PROTON LANCAR SAGA 2019

- Penggayaan baharu, sistem infotainment skrin sesentuh dan transmisi auto 4-kelajuan
- Harga bawah RM40,000 dan didatangkan dengan pakej bernilai sehingga RM3,700

Kuala Lumpur, 6 Ogos 2018 - PROTON melancarkan Saga 2019 di satu majlis yang diadakan di Pusat Pameran dan Perdagangan Antarabangsa Malaysia (MITEC) dan dirasmikan oleh Yang Berhormat Dato' Darell Leiking, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI). Turut hadir ialah Dato' Mohammad Zainal Shaari, Pengerusi DRB-HICOM, Dato' Sri Syed Faisal Albar, Pengerusi PROTON, Dr. Li Chunrong, Ketua Pegawai Eksekutif PROTON serta Dato' Radzaif Mohamed, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif PROTON.

Harga bermula RM32,800 (Standard MT), RM35,800 (Standard AT) dan RM39,800 (Premium AT), versi terbaru model ikonik dan terlaris PROTON ini dilengkapi dengan gaya baharu, kotak gear automatik empat kelajuan dan ciri pintar pertama di dalam kelasnya yang bukan sahaja membezakannya daripada pesaing tetapi turut meningkatkan nilainya. Syarikat juga mengenal pasti proposisi penjualan unik atau *Unique Selling Propositions* (USP) model ini iaitu apabila digabungkan, menghasilkan slogan Pilihan Yang Pintar atau *An Intelligent Proposition*. Tiga USP yang dinyatakan adalah Gaya Mengujakan, Penjimatkan Bijak dan Kestabilan Mantap.

Penggayaan sepenuhnya pada dalaman dan luaran kereta

Kisah mengenai Proton Saga adalah sinonim dengan PROTON, mengimbau kembali 34 tahun lalu dan tiga perubahan sepenuhnya dilakukan pada model tersebut. Saga 2019 telah diberikan rekaan terkini yang masih mengekalkan identitinya tetapi pada masa yang sama meletakkannya ke barisan model Proton yang lain.

Pada bahagian luar, Saga 2019 dipasangkan dengan bampar hadapan baharu dan lebih agresif bersepudu dengan lampu nyalaan siang. Pada bahagian gril turut mempunyai corak *infinite weave* yang mula diperkenalkan melalui model Proton X70 serta Iriz dan Persona 2019. Bampar belakang yang sama menonjol sepadan dengan bahagian hadapan dan rekaan di belakang dilengkapi dengan spoiler belakang bersepudu baharu dan nama PROTON terletak pada bahagian penutup but. Satu set roda aloi bersaiz 15 inci yang menampilkan rekaan baharu menyerikan lagi sentuhan akhir pada varian premium.

Pada bahagian dalam pula, perubahan paling ketara dilakukan adalah pada monitor skrin sesentuh 7-inci terapung atau *floating touchscreen* pada model premium. Digunakan untuk mengawal sistem infotainment, kemudahan ini mempunyai sambungan Bluetooth, kapasiti penyimpanan dalaman 16GB dan sambungan telefon pintar untuk Android. Perubahan lain termasuklah upholsteri tempat duduk baharu, panel tengah baharu, paparan kombinasi meter baharu dengan Bantuan Pemanduan Eco dan turut dilengkapi sehingga 3 tempat cucuk USB.

Kemudahan yang turut disediakan dalam Saga 2019 ini termasuklah kunci pembuka but, pelindung matahari dengan pemegang kad dan cermin, lampu peta LED dan pemegang genggaman baharu untuk disepadankan dengan bahan yang digunakan di bahagian dalaman kereta.



M/s 2 Dari 3

PROTON LANCAR SAGA 2019

Kestabilan mantap dengan keselamatan tanpa kompromi

Secara mekanikal, perubahan yang paling besar adalah transmisi automatik empat kelajuan baharu menggantikan CVT yang digunakan sebelum ini. Barisan Jurutera PROTON kemudiannya membuat peningkatan pada prestasi brek, tahap kebisingan, getaran dan kekasaran (NVH) serta keseimbangan pemanduan dan pengendalian disamping menambah tahap keselamatan yang berkelas dunia.

Sebagai contoh brek yang dilengkapkan pada model ini adalah sama seperti yang dipasangkan pada Proton Iriz dan Persona yang lebih besar manakala penggunaan kotak gear automatik empat kelajuan baharu memberikan pemandu kawalan manual yang lebih baik semasa memandu dengan penuh tenaga.

Ciri-ciri keselamatan pada model ini terdiri daripada Brek Anti Kekunci (ABS) dengan Agihan Brek Elektronik (EBD) dan Bantuan Brek (BA) untuk ketiga-tiga varian yang turut dilengkapi dengan beg udara depan, sensor tempat letak kereta belakang dan titik penahan ISOFIX dengan top tethers. Tambahan pada varian Premium adalah Bantuan Kawalan Cerun, sensor tempat letak kereta hadapan, kamera undur dan Kawalan Kestabilan Elektronik (ESC) dengan Sistem Kawalan Cengkaman (TCS). Dengan pertambahan ciri-ciri keselamatan ini, Saga 2019 menjadi satu-satunya kereta yang berharga kurang daripada RM40,000 dilengkapi ESC dan TCS.

Pakej yang memberikan nilai tambahan kepada pembeli Saga

Sama seperti Proton X70, Iriz, Persona dan Exora 2019, Saga baharu ini menawarkan pakej Nilai Tambahan atau *Extra Value*. Terdapat tiga pakej Nilai Tambahan standard yang bermula dengan pakej servis yang menawarkan kos pekerja percuma sebanyak dua kali atau selama satu tahun. Seterusnya adalah pakej kadar faedah dengan kadar pembiayaan serendah 2.98% setahun. Akhir sekali ialah pakej insurans yang menawarkan pelbagai manfaat kepada pelanggan yang menginsuranskan pembelian baharu mereka dengan panel PROTON.

Digabungkan dengan pengurangan harga dan nilai ciri-ciri baharu yang diperkenalkan dalam setiap varian, Saga 2019 Premium AT 1.3L memberi nilai tambahan sebanyak RM3,747 berbanding model sebelum ini. Bagi varian Standard AT 1.3L pula memberi penjimatan sebanyak RM2,043 manakala Standard MT 1.3L mempunyai nilai tambahan sebanyak RM2,291 untuk mereka yang membelinya.

- Tamat -



M/s 3 Dari 3

PROTON LANCAR SAGA 2019

Mengenai PROTON

PROTON Holdings Berhad adalah 50.1% milik DRB-HICOM Berhad dan 49.9% oleh Zhejiang Geely Holding Group Co. Ltd. Ditubuhkan pada tahun 1983, ia adalah satu-satunya pengeluar kereta OEM sepenuhnya yang lengkap dengan kemudahan penyelidikan dan pembangunan (R&D) di Asia Tenggara dan telah ditubuhkan dengan tiga objektif dasar kebangsaan utama, iaitu untuk menerajui pembangunan industri pembuatan komponen, untuk memperoleh dan meningkatkan kemahiran teknologi dan perindustrian dalam industri pembuatan otomotif dan untuk mengukuhkan daya saing antarabangsa dalam keupayaan industri Malaysia.

1985 menandakan satu tahun yang hebat dalam sejarah Malaysia apabila kereta nasional pertama negara, Proton Saga, dilancarkan untuk rakyat. Sejak itu, ianya menawarkan ciri yang termasuk kenderaan keluarga empat pintu yang serba boleh dan boleh dipercayai seperti Saga dan Persona, kereta eksekutif bergaya seperti Prevé, eksekutif elegan D-segmen Perdana serta kenderaan pelbagai guna yang luas dan berpatutan seperti Exora dan Ertiga . Terdapat juga Suprima S yang sporty anggun yang penuh dengan prestasi dan Iriz yang berani dan bergaya daripada menekankan keselamatan dan merupakan kereta kebangsaan ASEAN 5-Bintang yang paling berpatutan.

PROTON adalah lebih daripada sekadar sebuah syarikat kereta sebagai permulaannya sebagai pemacu utama pembangunan negara telah melihat jenama mempercepatkan proses pembelajaran menerusi pemindahan teknologi dengan perkongsian strategik dan kerjasama teknikal. Tidak syak lagi bahawa ia telah membantu mengembangkan ekonomi Malaysia melalui kemajuan dan kejayaan dalam industri automobil.

Dengan mendengarkan keperluan pelanggan, kereta PROTON kini berada di landasan mencapai misi untuk masa depan, dengan PROTON ditetapkan untuk menjadi sebuah marque yang membina kereta berkualiti dan selamat dengan semangat dan jiwa; kereta yang menyeronokkan untuk pemanduan - dan keselesaan untuk dimiliki. Untuk maklumat lanjut, layari <http://www.proton.com>.

Untuk sebarang pertanyaan sila hubungi:

Bahagian Kumpulan Komunikasi Koporat, PROTON

- Faisal Shah di hp: 019-321 8897 / tel: 03-8026 9389 / faisalshah@proton.com
- Lim Ai Mee di hp: 012-698 9189 / tel: 03-8026 9670 / aimee@proton.com
- Julaiha Jamaldin di hp 011-2885 4300 / tel: 03-8026 9697 / julaiha@proton.com